

**AMIR ZIYADAT ALLAH I BIN AMIR IBRAHIM I
(201-223H/817-838M) DAN SUMBANGANNYA
TERHADAP DINASTI AGHLABIYYAH**

SITI NOORASIKIN BINTI TUMIRAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**AMIR ZIYADAT ALLAH I BIN AMIR IBRAHIM I
(201-223H/817-838M) DAN SUMBANGANNYA
TERHADAP DINASTI AGHLABIYYAH**

oleh

SITI NOORASIKIN BINTI TUMIRAN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2022

PENGHARGAAN

al-Hamd li Allah Rabb al-‘Alamin, setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas kehendak dan karunia-Nya saya telah memberi ketabahan dan kekuatan kepada penulis dalam menyempurna dan menyelesaikan tesis ini pada waktunya untuk memperoleh gelaran Doktor Falsafah (Tamadun). Selawat dan salam buat Rasul Allah SAW tercinta, juga kaum keluarga Baginda, para sahabat RA serta para tabi’in yang sentiasa memperjuangkan Islam di bumi Allah SWT ini. Di kesempatan yang amat bermakna ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Dr. Aiza Maslan @ Baharudin selaku penyelia penulis. Beliau telah memberi banyak sokongan, dorangan, pendapat, panduan dan motivasi dalam usaha penulis menyelesaikan tesis ini agar menjadi sebuah kajian yang berkualiti dan bermanfaat. Pengalaman yang penulis perolehi semasa diawasi di bawah penyeliaan beliau telah benar-benar mengajar penulis makna sebenar menjadi seorang akademik yang menuntut banyak pengorbanan dan disiplin diri bagi memperoleh kejayaan dalam menyiapkannya. Penghargaan juga ditujukan khas kepada para pensyarah di Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM atas motivasi dan komen mengenai tesis penulis serta segala ilmu dan tunjuk ajar yang telah disumbangkan sepanjang pengajian penulis berada di perbukitan ilmu USM ini. Tidak ketinggalan, ucapan terima kasih turut ditujukan kepada semua kakitangan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM yang sangat membantu penulis dalam perkara yang berkaitan dengan tesis ini. Penulis juga berterima kasih kepada Profesor Madya Dr. Jasni bin Sulong, Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM kerana memberi penulis peluang untuk menyertai program Ijazah Doktor Falsafah ini serta menghabiskan program Ijazah tersebut dengan

sebaiknya. Ucapan penghargaan diabadikan buat bonda, Miskiah binti Kasmin dan ayahanda, Tumiran bin Hj. Iksan @ Ihsan serta mertua penulis, iaitu Ariffin bin Abdullah dan Asnah binti Abdul Hamid kerana sentiasa mendoa serta memberi dorongan dan sokongan kepada penulis. Ucapan terima kasih juga buat kedua-dua belah keluarga yang disayangi kerana sudi memberi nasihat dan sokongan serta memahami perjuangan yang dilalui ini. Penghargaan yang tidak terhingga, terutama suami tercinta, Muhamad Asrul bin Ariffin kerana sentiasa membantu dan sangat memahami akan situasi penulis dalam menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada putera-putera penulis, iaitu Muhamad Amin Ariz bin Muhamad Asrul, Muhamad Amin Afwim bin Muhamad Asrul dan Muhamad Affan Ariz bin Muhamad Asrul serta puteri penulis, iaitu Siti Noorasrissa Rose binti Muhamad Asrul. Mereka sangat memahami atas kesibukan penulis lantaran menyelesaikan tesis ini. Buat akhirnya, tidak lupa juga kepada semua yang telah membantu penulis, sama ada secara langsung atau tidak langsung, selama proses penyempurnaan disertasi ini dijalankan. *Jazakum Allah al-Jaza' al-A'fa'*.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iv
SENARAI PETA.....	ix
SENARAI RAJAH.....	x
SENARAI GAMBAR	xi
SENARAI SINGKATAN.....	xii
SENARAI TRANSLITERASI.....	xiii
ABSTRAK.....	xv
ABSTRACT.....	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah Kajian.....	13
1.3 Kepentingan Kajian	21
1.4 Objektif Kajian.....	23
1.5 Skop Kajian.....	24
1.6 Metodologi Kajian.....	25
1.6.1 Kajian kepustakaan	25
1.6.2 Analisis dokumen	27
1.7 Sorotan Literatur	29
1.7.1 Sejarah Dinasti Aghlabiyyah	30
1.7.2 Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I dan sumbangannya.	40
1.8 Kesimpulan	48
BAB 2 DINASTI AGHLABIYYAH PERKEMBANGANNYA.....	50
2.1 Pengenalan	50
2.2 Sejarah Dinasti Aghlabiyyah	51

2.2.1	Pengasas Dinasti Aghlabiyyah	54
2.2.2	Petukaran status Ifriqiyyah menjadi wilayah warisan keturunan Dinasti Aghlabiyyah	64
2.2.3	Amir-amir termasyhur Dinasti Aghlabiyyah.....	73
2.2.4	Sosio-budaya masyarakat di bawah pemerintahan Dinasti Aghlabiyyah	84
2.3	Kemerosotan dan kejatuhan Dinasti Aghlabiyyah	100
2.3.1	Faktor dalaman	101
2.3.2	Faktor luaran.....	111
2.4	Kesimpulan	121
BAB 3	LATAR BELAKANG AMIR ZIYADAT ALLAH I BIN AMIR IBRAHIM I.....	124
3.1	Pengenalan	124
3.2	Sejarah Biografi Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I.....	125
3.2.1	Latar keluarga	125
3.2.2	Latar pendidikan	130
3.3	Sejarah Biografi Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I.....	132
3.3.1	Pengalaman dalam bidang politik.....	132
3.3.2	Pengalaman dalam bidang ketenteraan.....	135
3.3.3	Sejarah perlantikannya.	138
3.3.4	Perwatakan Amir Ziyadat Allah I.....	149
3.3.5	Gaya kepimpinan Amir Ziyadat Allah I	168
3.4	Kewafatan Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I	179
3.5	Kesimpulan	183
BAB 4	SUMBANGAN AMIR ZIYADAT ALLAH I BIN AMIR IBRAHIM I DARI ASPEK POLITIK.....	186
4.1	Pengenalan	186
4.2	Sumbangan Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I Melalui Polisi Pemerintahan.....	188

4.2.1	Mempertahankan sistem monarki dan jawatan pentadbiran penting untuk keturunannya.....	188
4.2.2	Mengekalkan Kota ‘Abbasiya sebagai pusat pentadbiran bagi Dinasti Aghlabiyah	195
4.2.3	Membenteras isu pemberontakan dan perpecahan masyarakat....	200
4.2.4	Melancar siri penaklukan wilayah jajahan	204
4.3	Sumbangan Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I Melalui Polisi Pertahanan dan Keselamatan	225
4.3.1	Memperkuuh sistem ketenteraan	226
4.3.2	Membina kekuatan pasukan tentera.....	228
4.3.3	Mengekalkan kota-kota kubu.....	234
4.3.4	Mempertingkat sistem pertahanan dan keselamatan	237
4.4	Sumbangan Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I Melalui Hubungan Luar.....	239
4.4.1	Hubungan Dinasti Aghlabiyah dengan Dinasti Rustamiyyah ...	241
4.4.2	Hubungan Dinasti Aghlabiyah dengan Dinasti Idrisiyyah.....	244
4.5	Kesimpulan	248
BAB 5	SUMBANGAN AMIR ZIYADAT ALLAH I BIN AMIR IBRAHIM I DARI ASPEK EKONOMI.....	250
5.1	Pengenalan	250
5.2	Sumbangan Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I Melalui Pendapatan Sumber Asas Ekonomi	251
5.2.1	Mempergiatkan hasil ekonomi utama.....	251
5.2.2	Menguruskan hasil Bayt al-Mal	271
5.3	Sumbangan Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I Melalui Penggunaan Matawang.....	278
5.3.1	Menggunakan matawang dinar.....	280
5.3.2	Menggunakan matawang dirham.....	292
5.4	Sumbangan Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I Melalui Pembangunan Pengurusan Ekonomi	299
5.4.1	Mengembangkan pusat utama ekonomi.....	300

5.4.2	Mewujudkan prasarana ekonomi	306
5.5	Kesimpulan	311
BAB 6	SUMBANGAN AMIR ZIYADAT ALLAH I BIN AMIR IBRAHIM I DARI ASPEK PENDIDIKAN	313
6.1	Pengenalan	313
6.2	Sumbangan Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I Melalui Pembangunan Pendidikan.....	315
6.2.1	Mengekalkan sistem pembelajaran.....	315
6.2.2	Mengimbangi ilmu pengetahuan	318
6.2.3	Menggalakkan pendidikan dalam masyarakat.....	327
6.3	Sumbangan Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I Melalui Perkembangan Institusi Pendidikan Islam.....	334
6.3.1	Institusi masjid.....	335
6.3.2	Institusi madrasah	337
6.3.3	Institusi perubatan.....	339
6.4	Sumbangan Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I Melalui Kecemerlangan Pendidikan.....	341
6.4.1	Masjid Qayrawan.....	341
6.4.2	Bayt al-Hikmah.....	345
6.4.3	Madrasah Maliki.....	350
6.4.4	Hospital al-Dimnah.....	360
6.5	Kesimpulan	365
BAB 7	PENUTUP	367
7.1	Rumusan Keseluruhan Hasil Kajian.....	367
7.1.1	Penemuan hasil kajian.....	388
7.1.2	Sumbangan kajian.....	394
7.2	Cadangan dan Saranan.....	398
7.2.1	Diterbitkan dalam pelbagai medium ilmu	398

7.2.2	Dimasukkan dalam silibus pembelajaran Sejarah dan Tamadun Islam.....	399
7.2.3	Mewujudkan subjek khas.....	400
7.2.4	Mewujudkan kolaborasi berdasarkan subjek sejarah dan Tamadun Islam.....	400
7.2.5	Garis panduan yang baik kepada sistem pendidikan Sejarah dan Tamadun Islam di Malaysia	401
RUJUKAN	402	

SENARAI PETA

	Halaman
Peta 1.1	Peta Kedudukan Ifriqiyyah/Afriqiyyah dan Maghribi.....
Peta 1.2	Peta Gerakan Penaklukan ke Atas Ifriqiyyah, Maghribi dan Andalus oleh Dinasti ‘Umayyah di Damsyik
Peta 2.1	Peta wilayah kekuasaan Dinasti ‘Abbasiyah.....
Peta 2.2	Peta Daerah Sudan.....
Peta 4.1	Peta Kawasan Jajahan Takluk Dinasti Aghlabiyah
Peta 4.2	Peta Laluan Penaklukan oleh Dinasti Aghlabiyah di Laut Mediterranean.....
Peta 4.3	Peta Pulau Sardinia dan Pulau Corsica
Peta 4.4	Peta Pulau Sicily
Peta 4.5	Peta Pulau Sicily dan selatan Itali.....
Peta 4.6	Peta Kepulauan Malta, Pulau Pantelleria dan Pulau Lampedusa
Peta 4.7	Peta Dinasti Idrisiyyah dan Dinasti Rustamiyyah
Peta 5.1	Peta wilayah Sahara
Peta 5.2	Peta Laut Mediterranean
Peta 5.2	Peta Tiga Wilayah Penting di Pulau Sicily

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 3.1	Salasilah keturunan Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I dan para amir Dinast Aghlabiyah	105
-----------	---	-----

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 2.1 Pemandangan Daerah Sudan.....	89
Gambar 4.1 Ribat Sausa, Kota Sausa.....	236
Gambar 4.2 Pemandangan Kota Sausa	236
Gambar 4.3 Ribat Monastir, Kota Monastir	237
Gambar 5.1 Matawang Dinar Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I	285
Gambar 5.2 Matawang Dirham Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I	295
Gambar 5.3 Pemandangan Kota Qayrawan	304
Gambar 6.1 Masjid Palermo di Pulau Sicily	337
Gambar 6.2 Masjid Qayrawan di Kota Qayrawan.....	345
Gambar 6.3 Pelan Bangunan Masjid Qayrawan.....	345

SENARAI SINGKATAN

A.D.	Anno Domini atau After Death
A.H.	After Hijrah
API	Akademik Pengajian Islam
C°	Celcius
D. C.	District of Columbia
dlm.	dalam
ed.	edisi
g	gram
H	Hijrah
hlm.	halaman
IAIN	Institusi Agama Islam Negeri
ISAM	Islam Arastirmalan Merkezi
ISTAC	International Institute of Islamic Thought and Civilization
ITE	Institute of Technical Education
JAIPUTRA	Kolej Jamiah Islamiah Putra
Jil.	jilid
km	kilometer
M	Masihi
m	meter
mm	milimeter
RA	Radhiya Allah Anha
pnyt.	Penyunting
SAW	salla Allah ‘alayh wa sallam
SWT	subhana Allah wa ta‘ala
terj.	terjemahan
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
USM	Universiti Sains Malaysia
UNISZA	Universiti Sultan Zainal Abidin

SENARAI TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سَأْل	sa'ala
ب	b	بَدْل	badala
ت	t	مَتْر	matr
ث	th	ثُورَة	thawrah
ج	j	جَمَال	jamal
ح	h	حَدِيث	hadith
خ	kh	خَالِد	khalid
د	d	دِيَوَان	diwan
ذ	dh	مَذْهَب	madhhab
ر	r	رَحْمَن	rahman
ز	z	زَمْزَم	zamzam
س	s	سَرَاب	sarab
ش	sh	شَمْس	shams
ص	s	صَبْر	sabr
ض	d	ضَمِير	damir
ط	t	طَاهِر	tahir
ظ	z	ظَهَر	zuhr
ع	'	عَبْد	'abd
غ	gh	غَيْب	ghayb
ف	f	فَقِه	fiqh
ق	q	قَاضِي	qadi
ك	k	كَأس	ka's
ل	l	لَبَن	laban
م	m	مَزْمَار	mizmar
ن	n	نَوْم	nawm
هـ	h	هَبْط	habata
وـ	w	وَصْل	wasala
يـ	y	يَسَار	yasar

Vokal

Vokal Pendek

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contah Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ـ ـ	a	فَعْل	fa‘ala
ـ ـ	i	حَسِبٌ	hasiba
ـ ـ	u	كُتُبٌ	kutiba

Vokal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contah Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ـ ـ ، ـ ـ	a	كَاتِبٌ ، قَضِيَّ	katib, qada
ـ ـ	i	كَرِيمٌ	karim
ـ ـ	u	حَرْوَفٌ	huruf

Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contah Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ـ ـ و	aw	قُولٌ	qawl
ـ ـ ي	ay	سِيفٌ	sayf
ـ ـ ي	iyy	رَجْعِيٌّ	raj‘iyy atau raj‘i
ـ ـ و	uww	عَدْوٌ	‘aduww atau ‘adu

Pengecualian

1. Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada ‘a’ bukan kepada ’. Contoh: أَكْبَرٌ, transliterasi: *akbar* bukan *’akbar*.
2. Huruf Arab ة (ta’ marbutah) pada perkataan tanpa (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada ‘t’. Contohnya: وزَارَةُ التَّعْلِيمِ, bukannya *wizarah al-ta‘lim*. Tetapi seandainya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, ta’ marbutah ditransliterasikan kepada h.

Contoh

		<u>Transliterasi</u>
1.	المَكْتَبَةُ الْأَهْلِيَّةُ	al-Maktabah al-Ahliyyah
2.	قَلْعَةٌ	qal‘ah
3.	دَارُ وَهَبَةٍ	Dar Wahbah
4.	مَكْتَبَةُ الْمَعْرِفَةِ	Maktabat al-Ma‘arif

AMIR ZIYADAT ALLAH I BIN AMIR IBRAHIM I (201-223H/817-838M)

DAN SUMBANGANNYATERHADAP

DINASTI AGHLABIYYAH

ABSTRAK

Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I merupakan seorang pemimpin yang berpotensi dan berkaliber dalam mentadbir hal ehwal Dinasti Aghlabiyyah. Kewibawaan beliau terserlah berikutan kejayaan meneruskan legasi Amir Ibrahim I dengan mengembang serta memajukan dinasti berkenaan agar sejajar dengan kemajuan dinasti Islam lain pada ketika itu. Komposisi masyarakat majmuk Dinasti Aghlabiyyah berupaya diperintah oleh Amir Ziyadat Allah I yang berasal daripada kumpulan minoriti berbangsa Arab. Malang sekali, kajian tentang ketokohan dan sumbangan beliau tidak diketengahkan secara mendalam. Selain itu, sikap prejudis sesetengah penulis Barat telah menimbulkan persepsi negatif terhadap kepimpinan amir tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji perkembangan Dinasti Aghlabiyyah, latar belakang Amir Ziyadat Allah I serta sumbangan beliau terhadap dinasti berkenaan dari aspek politik, ekonomi dan pendidikan. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif, menerusi instrumen kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Penemuan kajian menunjukkan bahawa Amir Ziyadat Allah I merupakan antara amir terpenting dan termasyhur bagi Dinasti Aghlabiyyah. Kehebatan beliau sebagai seorang pemerintah menyerlahkan kewibawaan amir tersebut sehingga boleh diangkat sebagai seorang reformis atau mujahid pada zamannya. Di bawah pentadbiran Amir Ziyadat Allah I, dinasti tersebut telah berkembang pesat dalam aspek politik, ekonomi dan pendidikan. Bertapaknya Islam di benua Eropah buat kali kedua melalui penaklukan Pulau Sicily merupakan

sumbangan terbesar beliau dalam aspek politik. Selain itu, pengenalan dan penggunaan matawang dinar Dinasti Aghlabiyah secara meluas di wilayah jajahan takluknya telah meningkatkan lagi sumber pendapatan ekonomi dinasti tersebut. Sokongan yang cukup memberangsangkan daripada Amir Ziyadat Allah I telah mewujudkan sistem pendidikan yang bersifat kontemporari, iaitu penggabungan pendidikan agama Islam (ukhrawi) seperti ilmu fiqah dan sekular (duniawi) seperti ilmu perubatan, sekali gus melayakkannya menjadi pusat pendidikan bertaraf antarabangsa pada ketika itu.

AMIR ZIYADAT ALLAH I BIN AMIR IBRAHIM I (201-223H/817-838M)

AND HIS CONTRIBUTIONS TOWARDS THE AGHLABID DYNASTY

ABSTRACT

Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I is a Muslim leadership figure who has great potential and caliber in administering of Aghlabid Dynasty. His authority was evident due to the success of continuing the legacy of Amir Ibrahim I by expanding and advancing the dynasty to be in line with the progress of other Islamic dynasties at that time. The composition towards complex society of Aghlabid Dynasty was successfully ruled by Amir Ziyadat Allah I who came from a minority group of Arabs. Unfortunately, studies of his prominence and contributions are not highlighted in depth. The prejudicial attitude of some Western writers has given rise to a negative perception of leadership by the amir. This study is to investigate the developments of Aghlabid Dynasty, the background of Amir Ziyadat Allah I and also his contributions towards the dynasty. This study uses a qualitative method approach, through the instrument of literature review and document analysis. The findings of this study revealed Amir Ziyadat Allah I amongst the most important and famous amirs of Aghlabid Dynasty. His greatness as a ruler highlights the authority of the amir so that he can be appointed as a reformist or “mujahid” in his time. Under the administration of Amir Ziyadat Allah I, the dynasty had grown rapidly in political, economic and educational aspects. The establishment of Islam in continental Europe for the second time through the conquest of Sicily was his greatest contribution in the political aspect. The introduction and widespread use of the dinar currency of Aghlabid Dynasty in the colonies under its rule has further increased the source of

economic income of the dynasty. Encouraging support from Amir Ziyadat Allah I has created a contemporary education system, a combination of Islamic religious education such as “fiqh” and secular such as medicine, thus qualifying it to be an international educational center at that time.


BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Ifriqiyyah¹ memiliki banyak keistimewaan dan keunikan dari pelbagai aspek sehingga mengundang reaksi yang memberangsangkan daripada pemerintah Islam atau Kristian pada setiap zaman sama ada sebelum atau selepas Masihi. Berikut adalah peta berkenaan dengan kedudukan Ifriqiyyah atau Afriqiyyah dan Maghribi pada zaman pemerintahan Islam:

Peta 1.1: Peta Kedudukan Ifriqiyyah/Afriqiyyah dan Maghribi



Sumber: Ibn Abi Hashim al-Muhajir, *The Muslims of Spain Post 1492 in a Global Context and Its Relevance to Muslims Today*, Transmedia Holding, Florida, 2011, ed. 1, hlm.

¹ Analisis terhadap sejarah Afrika Utara mendapat bahawa nama Afrika Utara adalah untuk gelaran sekarang dan kawasan tersebut dahulunya terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Maghrib dan Ifriqiyyah atau Afriqiyyah. Rujuk Amy McKenna, *The History of Northern Africa*, Britannica Educational Publishing, New York, 2010, hlm. 1.

Peta berkenaan menunjukkan kedudukan Ifriqiyyah atau Afriqiyyah dan Maghribi pada zaman pemerintahan Islam dan Kristian. Dalam konteks Ifriqiyyah, nama Ifriqiyyah diambil daripada bahasa Latin, iaitu disebut sebagai ‘*Africa*’ dan orang Arab pula menyebutnya sebagai ‘Ifriqiyyah’. Wilayah tersebut pada zaman sekarang sudah terbentuk negara seperti Tunisia moden, barat Libya dan timur Algeria.² Sejarah Ifriqiyyah sebelum dan selepas Islam telah memperlihatkan betapa pentingnya kawasan tersebut kepada sejarah dan peradaban tamadun bagi dunia Timur serta Barat. Keadaan tersebut telah menjadi faktor utama kepada perebutan hangat dalam kalangan para memerintah tersebut terhadap perlunya Ifriqiyyah dikuasai dan diduduki agar ia menjadi sebahagian daripada wilayah kekuasaan mereka. Antara keistimewaan Ifriqiyyah ialah ia berada di perairan Laut Mediterranean,³ iaitu kawasan strategik bagi perkembangan aspek politik, ekonomi, pendidikan dan ketenteraan di sekitarnya. Sememangnya, Laut Mediterranean merupakan antara laut yang paling sibuk di dunia kerana ia bukan sekadar melakukan urusan perdagangan melalui laut berkenaan demi memperoleh ekonomi yang menguntungkan. Bahkan, ia juga merupakan kawasan yang tepat untuk memperkuuhkan kekuatan politik dan ketenteraan bagi mana-mana pihak pemerintah yang mentadbir serta menguruskan wilayah-wilayah yang berhampiran dengan laut berkenaan. Laut Mediterranean juga adalah sebuah tempat ideal yang mana berlakunya pertukaran atau pertembungan pelbagai budaya.⁴ Manakala,

² Hugh Kennedy, *The Origins of the Aghlabids*, dlm. Glaire D. Anderson, Corrsande Fenwick & Mariam Roesser-Owen (pnyt.), *The Aghlabids and Their Neighbors: Art and Material Culture in Ninth-Century North Africa*, Brill, Boston, 2017, hlm. 33. Lihat peta 1, hlm. x.

³ Laut Mediterranean dikenali sebagai Laut Tengah atau Laut Putih dan ia akan bertemu dengan Lautan Atlantik melalui Selat Gibraltar. Laut berkenaan terletak di antara tiga benua, iaitu di utara ialah Benua Eropah, di sebelah selatan ialah Benua Afrika dan di sebelah timur ialah Benua Asia. Rujuk O. U. Philip, *Atlas Progresif Oxford/Philip*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 1977, hlm. 69. Lihat lampiran A1, hlm. 345.

⁴ Martinu Mariu Murinu, *al-Muslimun fi Siqilliyyah*, Mansyurfat al-Jami‘ah al-Lubnaniyyah, Beirut, 1957, hlm. 1.

kedudukan Ifriqiyyah di daratan adalah berada di laluan perdagangan Gurun Sahara.⁵

Gurun tersebut terbentang dari Laut Merah di timur dan Laut Mediterranean di utara ke Lautan Atlantik di barat, di samping ia mempunyai landskap secara beransur-ansur berubah dari padang pasir ke dataran pantai.⁶

Kemunculan pelbagai dinasti⁷ kecil Islam di Ifriqiyyah bukan sekadar ingin melepaskan kawasan masing-masing daripada cengkaman kekuasaan Dinasti ‘Abbasiyyah tetapi mereka ingin memiliki kuasa autonomi untuk mengurus, mentadbir dan memerintah sendiri di kawasan yang mereka duduki. Dinasti kecil Islam juga berusaha gigih mahu menawan dan menakluki Ifriqiyyah kerana tertarik dengan keistimewaan serta keunikan yang dimiliki oleh wilayah tersebut. Terdapat beberapa wilayah yang telah terlepas daripada cengkaman kekuasaan Dinasti ‘Abbasiyyah sehingga dengan beraninya menujuh dan mendirikan dinastinya sendiri di Ifriqiyyah. Antara dinasti Islam berkenaan seperti Dinasti Rustamiyyah,⁸ Dinasti Ziyaniyyah⁹ dan Dinasti Hafsiyyah.¹⁰ Dinasti Aghlabiyyah juga tergolongan di

⁵ Gurun Sahara adalah sebuah padang pasir terpanas di dunia dan ia juga gurun ketiga terbesar selepas gurun ais di benua Antartika dan Artik. Dalam bahasa Arab, gurun tersebut disebut sebagai *al-ṣāḥrā’ al-kubra* (gurun besar) yang terletak di benua Afrika. Ia menghubungkan sebahagian besar Afrika Utara dengan Pegunungan Atlas di Maghreb, Lembah Nil di Mesir dan Sudan serta dibatasi oleh Sahel (iklim separa gersang, ia membentang di lintang selatan-tengah Afrika Utara antara Lautan Atlantik dan Laut Merah) dan sabuk savana tropika (iklim separa gersang di sekitar lembah Sungai Niger dan Daerah Sudan di Afrika Sub-Sahara). Rujuk Kerry H. Cook & Edward K. Vizy, 2015, Detection and Analysis of an Amplified Warming of the Sahara Desert, *Journal of Climate*, **28**(16): 6560-6580.

⁶ Kevin Shillington, *History of Africa*, St. Martin’s Press, New York, 1995, ed. 2, hlm. 32.

⁷ Dinasti bermaksud satu turutan para pemerintah yang berasal daripada keluarga yang sama, biasanya dalam konteks sebuah sistem feudal atau beraja tetapi kadang kala juga digunakan dalam sistem republik terpilih. Rujuk Miranda Steel, *New Oxford English-English-Malay Dictionary*, Oxford Fajar Sdn. Bhd., Shah Alam, 2007, hlm. 250.

⁸ Dinasti Rustamiyyah merupakan sebuah kerajaan kecil Islam yang didirikan oleh ‘Abd al-Rahman bin Rustam pada tahun 160-296H/778-909M di Tahart (selatan Algeria). Beliau telah merancang untuk menujuhkan dinasti ini semenjak dari tahun 144M/762M. Rujuk Ahmad Choirul Rofiq, Moderasi Daulah Rustamiyyah dalam Penyelesaian Konflik Politik, *Jurnal Studi Keislaman*, 2014, jil. **14**(1): 111-138. Lihat lampiran A9, hlm. 350 & A10, hlm. 351.

⁹ Dinasti Ziyaniyyah berasal daripada suku kamu Banu Zanata Berber yang muncul di Tilimsan pada tahun 627-982H/1229-1574M. Yaghmurasan bin Zayyan or Ziyani yang menduduki takhta kerajaan tersebut dan beliau digelar sebagai Abu Yahya yang mentadbir bermula dari tahun 633H/1236M.

bawah pemerintahan Islam kecil di Ifriqiyyah yang wujud pada era pemerintahan Dinasti ‘Abbasiyyah.¹¹

Tambahan pula, Dinasti Aghlabiyah adalah antara dinasti Islam berbangsa Arab yang berjaya menakluki Ifriqiyyah yang mana wilayah tersebut pada ketika itu dihuni oleh rakyat berbangsa Berber¹² yang merupakan penduduk tetap Ifriqiyyah dan mereka terpaksa menerima kekuasaan Dinasti Aghlabiyah. Rentetan daripada itu, terdapat dua kelompok bangsa berkenaan, iaitu golongan Berber yang tidak melakukan pemberontakan dan golongan Berber Khawarij¹³ yang sentiasa melakukan pemberontakan bertujuan untuk menggulingkan pemerintahan Dinasti

Rujuk Peter Sluglett, Andrew Currie, *Atlas of Islamic History*, Routledge-Taylor & Francis Group, New York, 2014, hlm. 49.

¹⁰ Dinasti Hafsiyyah merupakan sebuah dinasti kecil Islam bermazhab Sunni yang muncul di Tunis pada tahun 627-982H/1229-1547M dan Amir Yahya I bin ‘Abd al-Wahid (627-647H/1229-1249M) sebagai pemerintah pertama kerajaan tersebut. Nama kerajaan ini telah diberikan oleh Muhammad bin Tumart (pengasas kepada gerakan kemunculan Dinasti Muwahhidun dan beliau telah meninggal dunia pada tahun 524H/1130M) bersempena nama moyang Dinasti Hafsiyyah, iaitu Shykh Abu Hafs ‘Umar al-Hintati. Rujuk Clifford Edmund Bosworth, *The New Islamic Dynasties: A Chronological and Genealogical Manual*, Edinburgh University Press, Edinburgh, 2004, hlm. 45.

¹¹ Siti Noorasikin Tumiran, *Perkembangan dan Kemunduran Tamadun Islam di Sicily*, Disertasi Ijazah Sarjanamuda, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. 2008, hlm. 59.

¹² Bangsa Berber merupakan kumpulan etnik yang memiliki beraneka ragam asal-usul geografi dan antropologi yang berasal dari Maghribi, Ifriqiyyah, Mauritania, utara Mali, utara Niger dan sebahagian kecil dari barat Mesir. Bangsa tersebut diagihkan ke kawasan yang merentang dari Lautan Atlantik ke Owa Siwa di Mesir dan dari Laut Mediterranean ke Sungai Niger di Afrika Barat. Rujuk Michael Brett & Elizabeth Fentress, *The Berbers*, Blackwell, Oxford, 1996, hlm. 10.

¹³ Golongan Khawarij telah wujud pada pertengahan abad ke-1H/7M selepas berlakunya pembunuhan terhadap Khalifah ‘Uthman bin ‘Affan RA (Khulafa’ al-Rashidin ketiga yang memerintah dari tahun 23-35H/644-656M). Pada asalnya, golongan ini dinyatakan sebagai pengikut Khalifah ‘Ali bin Abi Talib RA (Khulafa’ al-Rashidin keempat yang memerintah dari tahun 35-40H/656-660M). Golongan Khawarij telah keluar meninggalkan barisan ketenteraan khalifah tersebut apabila mereka tidak sepakat terhadap keputusan Khalifah ‘Ali menerima *al-Tahkim*, iaitu sebuah majlis penghakiman dan proses pendamaian antara pihak Mu‘awiyyah bin Abi Sufyan RA dan khalifah terbabit bagi menghentikan Perang Siffin yang terjadi pada tahun 37H/648M di lembah Siffin, Syam. Rujuk Marzuki Mahmood, *Isu-isu Kontroversi dalam Sejarah Pemerintahan Khulafa’ al-Rasyidin*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 173. Fahaman ideologi golongan Khawarij berasaskan amalan *takfir*, iaitu mengkafirkkan orang Islam lain dan menghalalkan darah orang Islam untuk dibunuh yang dianggap kafir atau murtad tanpa perlu melalui proses perbicaraan oleh badan undang-undang negara. Melalui tafsiran inilah golongan terbabit menghalalkan darah Khalifah ‘Ali dan Mu‘awiyyah untuk dibunuh tetapi hanya khalifah terbabit saja yang berhasil mereka bunuh. Rujuk Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli & Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, 2018, Gejala Takfirisme dalam Gerakan Ekstremisme Agama Semasa, *Jurnal Peradaban*, 11: 43-61.

Aghlabiyyah. Kuasa pemerintahan dan ketenteraan yang dimiliki oleh para amir¹⁴ dinasti ini mampu menentang dan menewaskan pemberontakan- pemberontakan yang berlaku. Dinasti Aghlabiyyah turut berjaya mempengaruhi dan menakluki bangsa Berber ini agar tunduk patuh kepada kekuasaannya. Selain itu, kemunculan Dinasti Aghlabiyyah merupakan kekuatan Islam kerana kemampuannya berperang di lautan untuk mengalahkan musuh-musuh Islam. Maka, tidak hairanlah jika dinasti ini digelar sebagai “Raja Laut”¹⁵ oleh para sejarawan Islam dan orientalis Barat kerana ia selaras dengan kekuatan yang dimiliki oleh Dinasti Aghlabiyyah.

Kegemilangan dan kecemerlangan Tamadun Islam bagi Dinasti Aghlabiyyah tidak bergantung sepenuhnya kepada agama Islam yang merupakan elemen penting dalam membentuk Tamadun Islam sehingga menjadikannya antara tamadun yang unggul dalam peradaban dunia. Namun begitu, kejayaan dan kehebatan Tamadun Islam dinasti tersebut turut disumbangkan oleh para amirnya yang berusaha gigih menghasil, mengembang dan memperjuangkan Tamadun Islam agar berdiri selari dengan Tamadun Islam dinasti besar Islam seperti zaman Rasulullah SAW, Khulafa’ al-Rashidin, Dinasti ‘Umayyah di Damsyik,¹⁶ Dinasti Abbasiyyah, Dinasti ‘Uthmaniyyah, Dinasti ‘Umayyah di Andalus.¹⁷ Dalam sejarah Dinasti Aghlabiyyah,

¹⁴ Gelaran *amir* bermaksud penguasa yang hanya digunakan dalam pemerintahan dinasti-dinasti Islam tertentu sahaja. Rujuk Ruhi al-Ba‘albaki, *al-Mawrid: A Modern Arabic-English Dictionary*, Dar al-‘Ilm LilMalayin, Lebanon, 1988, ed. 1, hlm. 172.

¹⁵ Dinasti Aghlabiyyah dikenali sebagai ‘Raja Laut’ selama satu abad kerana sepanjang pemerintahan para amir kerajaan tersebut berusaha menyemarakkan semangat perang di laut melalui ekspedisi-ekspedisi lautnya untuk menakluki pulau-pulau yang terdapat di Laut Mediterranean. Rujuk Bujang Ulis, *Ensiklopedia Islam*, Research Center Berhad, Kuala Lumpur, 1998, jil. 1, hlm. 178-179.

¹⁶ Nama Damsyik dalam bahasa Arab disebut *Dimashq*, dalam penggunaan pra-moden namanya disebut *Dimashq al-Sham* dan ia terletak di al-Sham (kini dikenali sebagai Negara Syria) yang menghadap Laut Mediterranean di sebelah timurnya. Kota Damsyik adalah ibu kota bagi pusat pemerintahan Dinasti ‘Umayyah dan ia merupakan sebuah kota kuno serta terbesar di wilayah itu. Kota berkenaan merupakan salah sebuah bandar yang paling lama dihuni di dunia serta ia menjadi sebuah pusat kebudayaan utama bagi Levant dan dunia Arab. Rujuk Clifford Edmund Bosworth, *Historic Cities of The Islamic World*, Brill, Leiden, 2007, hlm. 107-109.

¹⁷ Secara georgafinya, Andalus terletak di barat Benua Eropah dan kini, ia dikenali sebagai Sepanyol dan Portugal. Namun begitu, Andalus tidak meliputi keseluruhan Sepanyol kerana ia hanya meliputi

Amir Ibrahim I bin al-Aghlab (184-196H/800-811M) bukan sekadar pengasas kepada penubuhan dinasti ini, bahkan beliau merupakan amir pertama yang memerintahnya. Sememangnya, beliau banyak menyumbangkan usaha, tenaga dan masa dalam mengasas, menubuh, membangun dan mengembangkan kuasa politik serta ketenteraan dinasti tersebut, terutama di Ifriqiyyah.¹⁸ Beliau ialah pemerintah yang sangat cekal, berani dan berpandangan jauh dalam mencorakkan masa depan diri dan keluarganya agar mempunyai kehidupan yang baik dan dipandang tinggi oleh masyarakat sekeliling serta para musuhnya. Walaupun terpaksa membenteras para pemberontak, Amir Ibrahim I turut berusaha keras mengembangkan Tamadun Islam dalam pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, ketenteraan dan kesenian demi menjamin kestabilan dan kemajuan Dinasti Aghlabiyah.¹⁹

Bagi meneruskan legasinya, Amir Ibrahim I telah melantik anaknya yang pertama bernama, ‘Abd Allah I bin Amir Ibrahim I (197-201H/812-817M) sebagai putera mahkota. Selepas kewafatan ayahanda beliau, Amir ‘Abd Allah I telah menaiki takhta pemerintahan selaku amir kedua Dinasti Aghlabiyah dan beliau telah melantik adiknya, iaitu Ziyadat Allah bin Amir Ibrahim I sebagai pemangku amir.²⁰ Amir ‘Abd Allah I hanya sempat memerintah selama lima tahun sahaja yang mana senario ini memperlihatkan bahawa had masa pemerintahan beliau yang singkat ini tidak memberi kesempatan yang secukupnya dalam membuat penambahbaikan terhadap tamadun Islam dinasti ini. Hal ini kerana Amir ‘Abd

sebahagian Semenanjung Iberia. Pada abad ke-8M, ‘Abd al-Rahman I bin Mu‘awiyah (al-Dakhil) daripada keturunan terakhir Dinasti ‘Umayyah di Damsyik telah berjaya menujuhkan Dinasti ‘Umayyah di Andalus, sekali gus menguasai dan menduduki wilayah berkenaan. Rujuk Maruwiah Ahmat, *Sejarah Bani ‘Umayyah di Andalus*, Karisma production Sdn. Bhd, Shah Alam, 2010, hlm. 27.

¹⁸ Ibn Khaldun, *Tarikh Ibn Khaldun*, Dar al-Fakr, Beirut, 2000, jil. 4, hlm. 250.

¹⁹ Hassan Ibrahim Hassan, *Tarikh al-Islam al-Siyasi wa al-Dini al-Thaqafi wa al-Ijtima‘i*, Maktabah al-Nahdhah, Misr, 1967, jil. 4, hlm. 250.

²⁰ Abū al-‘Abbas Ahmad Muhammad ‘Idhari al-Marrakusyi, *al-Bayan al-Mughrib fi al-Andalus wa al-Maghrib*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, 2009, jil. 1, hlm. 80.

Allah I lebih menumpukan kepada urusan mententeramkan masalah pemberontakan yang berlaku di wilayah kekuasaan Dinasti Aghlabiyyah. Manakala, kuasa pemerintahan sementara dinasti ini telah diberikan kepada adik beliau agar pengurusan dan pentadbir negara dapat berjalan dengan lancar serta harmoni. Perkara ini menunjukkan bahawa adiknya mendapat pengalaman yang luas dalam mentadbir dan menguruskan dinasti tersebut. Selain itu, kesukaran tempoh pemerintahan amir tersebut dipendekkan kerana terdapat pelbagai masalah dalaman dan luaran yang telah berlaku.²¹ Setelah kewafatan Amir ‘Abd Allah I, takhta Dinasti Aghlabiyyah telah dinaiki oleh pemangkunya, iaitu Amir Ziyadat Allah I (201-223H/817-838M) selaku amir ketiga bagi meneruskan perjuangan untuk memaju dan mengembangkan kuasa politik serta tamadun Islam bagi dinasti tersebut.²² Beliau telah meninggalkan nama dan jasa besar sebagai seorang pemerintah terunggul Dinasti Aghlabiyyah yang berjaya mentadbir dan mengurus dinasti ini sehingga berkembang pesat seiring dengan kegemilangan dalam pelbagai aspek kehidupan. Beliau juga terkenal sebagai seorang pahlawan terbilang dalam usahanya membentras pemberontakan di Ifriqiyyah.

Kajian ini lebih memfokuskan kepada Amir Ziyadat Allah I antara pemerintah yang paling lama memegang jawatan amir bagi Dinasti Aghlabiyyah dan memerintah Ifriqiyyah. Ada sebahagian mereka menjadi amir hanya untuk beberapa tahun atau meninggal dunia ketika tidak sampai setahun tempoh pemerintahan mereka. Justeru, beliau dilihat turut bertanggungjawab memaju dan mengembangkan Tamadun Islam dinasti tersebut. Sumbangan beliau dari aspek politik memainkan peranan penting dalam pemerintahannya kerana ia berkaitan rapat dengan

²¹ Ibn al-Athir, *al-Kamil fi al-Tarikh*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Lebanon, 1998, jil. 6, 82.

²² Masadul Hasan, *History of Islam*, Adam Publishers & Distributors, New Delhi, 2006, jil. 1, hlm. 528.

pengurusan dan pentadbiran ke atas negara dan rakyat. Tanpa sistem atau struktur politik yang baik, Dinasti Aghlabiyah akan mengalami kelemahan dan kemerosotan yang teruk serta rakyatnya akan mengalami kemunduran dalam semua bidang kehidupan.

Pada awal pemerintahan amir tersebut dalam tempoh enam bulan, pemerintahannya berada dalam keadaan yang aman dan tenteram sehingga mampu mencapai kecemerlangan pemerintahan dalam pelbagai aspek kehidupan pada ketika itu. Selepas enam bulan, pemerintahan Amir Ziyadat Allah I telah mengalami pola perubahan yang mendadak akibat pemberontakan yang telah dilakukan tentera beliau sendiri yang disokong oleh bangsa Berber yang tidak berpuas hati dengan cara pemerintahan beliau dan sedaya upaya mahu menggulingkannya tetapi amir tersebut berjaya menumpaskan setiap pemberontakan itu. Ketangkasan dan keberaniannya sebagai seorang pemerintah dan panglima perang yang berkaliber serta berwibawa telah diwarisi daripada ayahandanya, iaitu Amir Ibrahim I bin al-Aghlab yang mahukan anak-anaknya sentiasa memiliki keistimewaan tersebut.²³

Kestabilan politik pada zaman pemerintahan Amir Ziyadat Allah I membolehkan aspek ekonomi dan pendidikan berkembang dengan baik, tenang dan lancar, walaupun beliau sentiasa berdepan dengan pelbagai isu pemberontakan oleh para musuhnya yang tidak kunjung reda. Kedua-dua aspek ini amat penting dalam pemerintahan amir berkenaan bagi mewujudkan pemantapan dan pengukuhan terhadap pembangunan serta kemajuan Dinasti Aghlabiyah yang menjadi titik tolak kepada kecemerlangan politik pemerintahannya pada ketika itu. Aspek politik Amir Ziyadat Allah I telah memperlihatkan bahawa beliau bukan sahaja duduk mentadbir

²³ Hassan Ibrahim Hassan, *Sejarah Islam*, Terj. Ismail Mohd. Hassan, Yayasan Islam Terengganu Kuala Terengganu, 1988, jil. 3, hlm. 254.

dan mengurus dinastinya di dalam istana, bahkan beliau turut melakukan perluasan wilayah. Perluasan wilayah ini bertujuan untuk mengembangkan wilayah Dinasti Aghlabiyyah agar lebih besar dan luas. Selain itu, ia memberi ruang untuk amir berkenaan memperkuatkan kuasa politik dan ketenteraan dinastinya supaya setanding dengan kekuasaan dinasti-dinasti Islam yang wujud pada ketika itu. Justeru, antara perluasan wilayah terbesar yang pernah dilakukan oleh Amir Ziyadat Allah I ialah penaklukan Pulau Sicily.²⁴ Sememangnya pulau berkenaan sentiasa menjadi rebutan para pemerintah atau penguasa dunia yang mahukan sepenuhnya hak ke atas pulau itu kerana ia memiliki pelbagai keistimewaan yang tidak terhingga. Amir Ziyadat Allah I bersama bala tentera Dinasti Aghlabiyyah telah berusaha keras untuk menawan pulau tersebut agar terlepas daripada cengkaman kuasa Empayar Byzantine²⁵ yang merupakan musuh ketat bagi dinasti berkenaan.²⁶

Aspek ekonomi juga adalah elemen penting dalam pengurusan, pembangunan dan kemajuan Dinasti Aghlabiyyah yang diperintah oleh Amir Ziyadat Allah I. Di

²⁴ Pulau Sicily ialah sebuah pulau berautonomi yang terletak di selatan Itali dan kini, pulau itu telah menjadi wilayah sah bagi Itali. Ia juga pulau terbesar di Laut Tengah (Laut Mediterranean) dan selat yang memisahkan Sicily daripada dataran Semenanjung Itali ialah *Selat Messina* yang mana jaraknya lebih kurang dua batu nautika daripada Semenanjung Itali serta laluannya selat sempit. Rujuk Abdul Aziz Dahlan, *Suplemen Ensiklopedia Islam*, PT Ichtiar Baru Van Hoeve Jakarta, 1996, jil. 2, hlm. 171. Lihat lampiran A6, hlm. 348.

²⁵ Pada tahun 285M, Maharaja Diocletian (284-305M) telah membahagi empayar berkenaan kepada dua empayar, iaitu separuh kawasan pemerintahan beliau berpusat di Milan (sebuah kota di utara Itali) telah ditadbir oleh Empayar Rom Barat yang memerintah bahagian Barat di Benua Eropah. Separuh lagi kawasan pemerintahannya telah ditadbir oleh Empayar Rom Timur yang memerintah bahagian Timur di Benua Asia dan ia berpusat di Nicomedia (sebuah kota purba Greek yang diasaskan oleh Empayar Yunani sekitar tahun 712SM) dan kota berkenaan menjadi ibu kota bagi seluruh Empayar Rom. Rujuk David Stone Potter, *Life, Death and Entertainment in The Roman Empire*, David Stone Potter & D. J. Mattingly (pnyt), University of Michigan Press, Ann Arbor, 1999, hlm. 296-298. Pada tahun 324M, Maharaja Constantine I (306-337M) telah mengasaskan sebuah ibu kota baru bagi Empayar Rom Timur di Byzantium (sebuah kota purba Greek yang dibina di pinggir Selat Bosporus oleh Empayar Yunani sekitar tahun 657 SM). Pada tahun 330M, ibu kota baru ini secara rasmi telah dinamakan Constantinople bersempena nama Maharaja Constantine I. Setelah kejatuhan Empayar Rom Barat pada tahun 476M, Empayar Rom Timur mula menggelarkan kerajaannya dengan nama Empayar Byzantine dan ia terus berlanjutan memerintah bahagian Timur dan Barat selama 1,000 tahun. Rujuk Raymond Janin, *Constantinople Byzantine*, Institut Francais d'Etudes Byzantines, Paris, 1964, hlm. 10.

²⁶ Syihab al-Din Abu 'Abd Allah Yaqt al-Hamawi, *Mu'jam al-Buldan*, Beirut, Dar Sadar, 1995, jil. 3, hlm. 417.

samping itu, aspek berkenaan sentiasa perlu diperbaiki dan dipertingkatkan supaya mampu memenuhi keperluan rakyatnya. Justeru, beliau mempunyai pengaruh yang besar dan kuat dalam memperoleh ekonomi yang kukuh agar dapat mentadbir negara serta rakyat dengan baik. Tanpa ekonomi yang baik, pendapatan bagi seluruh wilayah kekuasaan Dinasti Aghlabiyah pastinya akan mengalami kemunduran yang teruk dan pentadbirannya mungkin tidak dapat bertahan lama. Tamadun Islam berkembang pesat ketika pemerintahannya juga disebabkan oleh aspek ekonomi yang amat memberangsangkan pada ketika itu yang mana ekonomi dinasti tersebut telah mendapat perhatian yang cukup baik dan ia telah mencapai tahap yang cemerlang. Hubungan laut antara daerah-daerah di sekitar Laut Mediterranean amat lancar dan baik, di samping kapal laut yang membawa barang dagangan seperti hasil pertanian dan perindustrian telah berlangsung secara rutin.²⁷

Tambahan pula, aspek pendidikan turut mendapat perhatian, galakan dan sokongan daripada Amir Ziyadat Allah I.²⁸ Kegemilangan ilmu pengetahuan dan intelektual pada ketika itu juga telah menjadikan faktor terpenting berkenaan dengan kemajuan serta pembangunan Kota Qayrawan.²⁹ Kota terbabit turut menjadi sebuah pusat terpenting bagi kegiatan, perkembangan dan penyebaran peradaban Islam serta pertembungan ilmu pengetahuan dalam pelbagai disiplin ilmu pada abad ketiga-keempat Hijrah/kesembilan-10 Masihi.³⁰ Justeru itu, dengan adanya pusat utama pendidikan di Kota Qayrawan membolehkan penduduk di sekitar Ifriqiyyah mampu

²⁷ Mukhtar Aziz, Islam di Sicilia Masuk, Kembang dan Hilangnya, Tesis Ijazah Sarjana, Fakultas Agama Islam, Institusi Agama Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 1984, hlm. 69.


²⁸ Ahmad Thib Raya, *Ensiklopedia Islam*, PT Intermasa, Jakarta, 1997, jil. 1, hlm. 90.

²⁹ Nama Qayrawan diambil daripada perkataan bahasa Parsi, iaitu *Karavan* dan orang Arab menyebut namanya dalam bahasa Arab, iaitu *Qayrawan*. Rujuk al-Ya'qubi, *al-Buldan*, Dar al-Kutub al-Islamiyyah, Beirut, 2002, hlm. 185. Kota Qayrawan telah dijumpai kali pertama pada tahun 50H/670M oleh 'Uqbah bin Nafi' (panglima tentera Dinasti 'Umayyah) dan beliau telah dilantik menjadi gabenor di sana oleh Khalifah Mu'awiyah bin Abu Sufyan (41-60H/661-680M). Rujuk M. Talbi, *Encyclopedia of Islam*, Brill Publications, Aleppo, 2010, jil. 4, hlm. 824.

³⁰ Kafrani Ridwan, *Ensiklopedi Islam*, PT Ichtiar Baru Van Hoeve, Jakarta, 1999, jil. 3, hlm. 66.

menimba ilmu pengetahuan dan mendapatkan ulama terbaik dalam mengajarkan ilmu pengetahuan demi memperoleh pendidikan yang sewajarnya. Pendidikan sangat penting diberi perhatian penuh oleh masyarakat di sana kerana ia merupakan suatu usaha untuk meningkatkan taraf pemikiran dan kestabilan hidup mereka.³¹

Peta 1.2: Peta Gerakan Penaklukan ke Atas Ifriqiyyah, Maghribi dan Andalus oleh Dinasti ‘Umayyah di Damsyik



Sumber: al-Habib al-Janhani, *al-Qayrawan*, Dar al-Tuniyyah llnasyar, Almania, 1968, hlm. 90.

³¹ Ihsan Abbas, *al-'Arab fi al-Siqilliyyah*, Dar al-Thaqafah, Beirut, 1999, hlm. 85-86.

Peta tersebut merupakan gerakan penaklukan oleh Dinasti ‘Umayyah di Damsyik ke atas Ifriqiyyah, Maghribi dan Andalus. Kota Qayrawan adalah kawasan utama yang dijumpai oleh panglima tentera ‘Uqbah bin Nafi’ untuk penempatan awal bagi angkatan Dinasti ‘Umayyah di Ifriqiyyah. Kota tersebut juga menjadi laluan penting bagi angkatan tentera dinasti berkenaan untuk sampai ke Maghribi dan Andalus selepas angkatan tentera ‘Uqbah. Dari segi geografi, kedudukan Kota Qayrawan yang berada di Ifriqiyyah merupakan tempat yang paling ideal dan strategik dalam mendapatkan ilmu pengetahuan sama ada ilmu Islam atau umum serta sangat mempengaruhi perkembangan aspek pendidikan.³² Kota itu terletak di laluan yang menghubungkan antara wilayah tersebut dengan Pulau Sicily, kota-kota di selatan Itali,³³ Andalus dan Mesir³⁴ yang mana laluan berkenaan adalah laluan sibuk bagi melakukan urusniaga perdagangan. Jalan perdagangan ini juga memudahkan para pelajar dan ulama untuk pergi ke Kota Qayrawan sama ada untuk mendapatkan ilmu pengetahuan atau mengajarkan ilmu tersebut di kota berkenaan.³⁵ Pada zaman pemerintahan Amir Ziyadat Allah I, kota itu juga telah menjadi sebuah pusat utama bagi perkembangan Mazhab Maliki³⁶ yang kebanyakan masyarakat

³² Michael Brett, *Northern Africa: Islam and Modernization*, Frank Cass, London, 1971, hlm. 5.

³³ Itali ialah sebuah negara yang terletak di Eropah Selatan Tengah dan ia bersempadan dengan beberapa negara seperti Perancis, Switzerland, Jerman, Austria-Hungary dan Slovenia di sepanjang Pergunungan Alps di utaranya. Di selatan wilayahnya merangkumi seluruh Semenanjung Itali, dua pulau terbesar di Laut Mediterranean (Pulau Sicily dan Sardinia) serta banyak lagi pulau kecil. Rujuk Eugen Fodor, *Italy*, First Published Fodor’s Modern Guide, Perancis, 1951, hlm. 298. Lihat lampiran A7, hlm. 349.

³⁴ Pembukaan Mesir telah dilakukan oleh ‘Amr bin al-‘As, iaitu panglima tentera Islam di bawah pemerintahan Khalifah ‘Umar al-Khattab RA (Khulafa’ al-Rashidin kedua yang memerintah dari tahun 13-23H/634-44M). Mesir adalah antara wilayah yang amat masyhur semenjak sebelum Masihi lagi kerana ia memiliki beberapa buah kerajaan yang kuat dari segi politik dan ekonomi yang stabil. Mesir juga mempunyai kebudayaan yang unggul seperti kebudayaan Kerajaan Mesir Kuno yang masih diingati sehingga sekarang. Rujuk Syihab ad-Din Abu ‘Abd Alla Yaqt al-Hamawi, *Mu’jam al-Buldan*, Dar Sadar, Beirut, 1995, jil. 7-8, hlm. 60.

³⁵ G. Iver, *Encyclopaedia of Islam*, Brill Publications, Aleppo, 2009, jil. 4, hlm. 646-649.

³⁶ Malik bin Anas bin Malik bin ‘Amir bin Abi ‘Amir bin ‘Amru bin al-Haris bin Ghilan bin Hasyada bin ‘Amru bin al-Haris. Beliau dikenali sebagai Imam Malik yang termasuk dalam generasi ulama tabi‘ tabi‘in. Rujuk Abi al-Fida’ Isma‘il Ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, Dar al-Taqwa, Qaherah, 1999, jil. 7, hlm. 200. Imam Malik lahir pada tahun 93H/712M di Kota Madinah pada

Islam di sana lebih mengamalkan ilmu Fiqah bermazhab Maliki kerana mazhab tersebut sangat bersesuaian untuk diamalkan oleh penduduk di sana.³⁷ Ulama-ulama ketika itu bukan sekadar berusaha mengajar, mengembang dan memajukan pendidikan Islam, bahkan mereka juga berkhidmat sebagai pegawai kerajaan seperti Asad³⁸ bin al-Furat.³⁹ Mereka turut memiliki madrasah yang mengajar ilmu Fiqah sehingga mampu membina Madrasah Maliki antara institusi pendidikan Islam terkenal pada zaman tersebut.⁴⁰

1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Komposisi atau gabungan masyarakat majmuk⁴¹ dalam Dinasti Aghlabiyah dilihat berupaya diperintah oleh Amir Ziyadat Allah I yang berasal daripada

zaman pemerintahan khalifah keenam Dinasti ‘Umayyah di Damsyik, iaitu Khalifah al-Walid bin Khalifah ‘Abdul Malik (86-96H/705-715M). Beliau wafat pada tahun 179H/795M di kota yang sama pada zaman pemerintahan khalifah kelima Dinasti ‘Abbasiyah, iaitu Khalifah Harun al-Rashid. Rujuk Muhammad Abu Zahrah, *Malik: Hayatuhu wa ‘Asruhu-Arauhu wa Fiqahu*, Dar al-Fikr al-‘Arabi, Qaherah, 2002, hlm. 27-28. Umumnya, Imam Malik ialah seorang ahli hadis, mufti dan ahli istinbath sehingga bergelar imam kedua dari empat Imam Fiqah Mazhab Sunni. Rujuk Beni Firdaus, 2016, Ketentuan Fikih Mazhab Maliki dalam Kitab al-Mudawwanah al-Kubra dan Analisa Metode Istiinbath Hukumnya, *Diniyyah*, 5(5): 1-17. Beliau merupakan pengasas kepada Mazhab Maliki di Kota Madinah al-Munawwarah, iaitu satu daripada empat mazhab Fiqah atau hukum Islam dalam Mazhab Sunni yang mana mazhab ini diamalkan di Ifriqiyyah, Maghribi dan Andalus. Rujuk Muhammad Abu Zahra, *The Four Imams: Their Lives, Works and Schools of Jurisprudence*, Dar al-Taqwa, London, 2010, hlm. 89.

³⁷ Ihsan Haqqi, *Tunis al-‘Arabiyyah*, Dar al-Thaqafah, Beirut, 1980, hlm. 51.

³⁸ Asad bin al-Furat lahir pada tahun 142H/759M di Kota Harran (tenggara Turki yang berhampiran sempadan Syria dan di selatan Iraq yang merupakan pusat perdagangan Tamadun Mesopotamia terpenting seawal 2,300SM) pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Ja‘afar al-Mansur (khalifah kedua Dinasti ‘Abbasiyah dari tahun 136-158H/754-775M). Beliau wafat pada tahun 213H/828M selepas gagal menawan Kota Syracuse, Pulau Sicily pada zaman pemerintahan Amir Ziyadat Allah I. Rujuk Muhammad ‘Abd al-Lisan al-Khatib, *Tarajim Islamiyyah Syarqiyyah wa Andalusiyah*, Maktabah al-Khariaji, Qaherah, 1990, jil. 2, hlm. 152-154. Nama sebenarnya ialah Asad bin al-Furat bin Sinan dan gelaran yang diberikan kepadanya, iaitu Aba ‘Abd Allah. Asad merupakan bangsa Arab berketurunan Banu Sulaym yang berasal daripada daerah Naisabur di Khurasan. Rujuk Abu al-‘Arab Muhammad Ahmad al-Tamimi al-Qayrawani, *Tabaqat ‘Ulama Ifriqiyyah wa Tunis*, al-Dar al-Tunisiyyah Lilnasyar, Tunis, 1968, hlm. 163.

³⁹ H. A. R. Gibb, J. H. Kramers, E. Levi-Provencal & J. Schacht, *The Encyclopedia of Islam*, E. J. Brill, Leiden, 1986, jil. 1, hlm. 249.

⁴⁰ Muhammad ‘Ali al-Sallabi, *al-Tarikh al-Islam.*, Markaz al-Islam, Qaherah, 2007, jil. 1, hlm. 547.

⁴¹ Masyarakat bererti kumpulan manusia yang terdiri daripada beberapa kaum atau bangsa yang menetap bersama-sama di sesuatu tempat dengan mengikut adat peraturan tertentu. Dalam disiplin sosiologi, majmuk terbentuk melalui beberapa bahagian kesatuan (sebuah hubungan atau ikatan yang begitu erat dan sukar untuk dipisahkan) yang mana dalam konteks masyarakat ia terdiri daripada

kumpulan minoriti berbangsa Arab. Walhal, masyarakat majmuk yang diperintah oleh beliau terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa yang menganuti agama Islam dan Kristian pada ketika itu. Keadaan tersebut menunjukkan bahawa kehebatan Amir Ziyadat Allah I terserah sebagai seorang pemerintah berkeyakinan tinggi dan bijaksana kepada dinasti beliau dan seluruh masyarakat majmuk di Ifriqiyyah. Oleh yang demikian, kajian ini akan cuba menonjolkan bukti bahawa amir tersebut tidak menjadikan dirinya daripada golongan minoriti sebagai halangan sukar dan rumit dalam usaha memerintah golongan masyarakat terbabit. Tambahan pula, Amir Ziyadat Allah I telah menerapkan sikap sedemikian dalam diri beliau semenjak remaja lagi kerana sentiasa terbawa-bawa daripada sikap ayahandanya, iaitu Amir Ibrahim I bin al-Aghlab. Mereka memiliki sifat luar biasa yang mampu mententeram dan mengamankan pemberontakan-pemberontakan di wilayah tersebut. Di samping itu, Amir Ibrahim I dan Amir Ziyadat Allah I mampu mengawal seluruh Ifriqiyyah kerana mereka amat memahami akan keadaan masyarakat majmuk serta bentuk muka bumi wilayah tersebut. Dalam konteks Malaysia pula, situasi masyarakat berkenaan dilihat turut wujud di sana tetapi masyarakat berbilang kaum dalam Dinasti Aghlabiyah amat berbeza dengan kaum yang terdapat di Malaysia pada masa kini. Namun begitu, hal ini tetap sama dari segi pemerintah Islam berasal daripada golongan minoriti yang berupaya memerintah masyarakat majmuk yang menganuti pelbagai agama di sana.

beberapa kumpulan etnik (hubungan antara kelompok manusia yang mengamalkan budaya dan adat resam serta cara berpakaian dan bahasa yang hampir seragam). Masyarakat majmuk merupakan satu kumpulan manusia yang terdiri daripada pelbagai rumpun bangsa yang juga dikenali sebagai masyarakat berbilang kaum. Kumpulan tersebut telah membentuk satu kesatuan dalam aspek politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan di sesuatu tempat bagi membentuk satu kumpulan yang bersatu padu. Rujuk Mohd. Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaluddin, 2011, ‘Uruf Majmuk: Konsep dan Amalannya dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia, *Jurnal Fiqh*, 8: 45-64.

Selain itu, sikap penuh prejedis sesetengah penulis Barat telah menimbulkan persepsi negatif terhadap kepimpinan Amir Ziyadat Allah I sebagai pemerintah Dinasti Aghlabiyah. Dalam konteks ini, kebanyakan sumber yang mengandungi maklumat dan bahan terhadap beliau dan sumbangannya lebih banyak dibahaskan dalam bahasa Arab dan Inggeris. Lebih malang lagi, terdapat beberapa penulisan bersifat negatif terhadap Amir Ziyadat Allah I oleh segelintir penulis Barat yang lebih cenderung kepada penulisan sedemikian. Keadaan inilah telah membuka ruang yang luas terhadap timbulnya sikap penuh prejedis mereka. Antara persepsi negatif yang dibahaskan oleh golongan ini dengan menggambarkan amir tersebut sebagai seorang pemerintah dinasti kecil yang zalim. Amir Ziyadat Allah I tidak bersikap sebegini tetapi bertegas terhadap pemberontakan Ziyad bin Sahl dan Mansur al-Tunbudhi yang cuba menggulingkan pemerintahan amir itu serta mengancam nyawa penduduk Kota Qayrawan. Permasalahan ini turut tercetus apabila terdapat golongan pengkaji yang tidak mengenali dengan baik terhadap ketokohan Amir Ziyadat Allah I dari segi pemerintahan dan kepimpinannya. Justeru, kajian ini akan menangani isu tersebut dengan mengemukakan hujah yang jelas bagi menjawab prejedis berkenaan serta menolak tanggapan yang digambarkan itu agar tidak disalahertikan oleh para pengkaji Barat atau para pengkaji yang lain. Kajian ini juga akan menangani pandangan segelintir penulis Barat dengan melihat dari segi kelemahan penulisan mereka menerusi kegagalan mereka memanfaatkan penggunaan pelbagai sumber primer dalam bahasa Arab sudah tentu mewujudkan kelompongan maklumat dalam penulisan mereka. Pengkaji juga perlu merujuk semula kepada pandangan para penulis Muslim muktabar dan kontemporari agar boleh dibuat perbandingan serta memperoleh hujah yang kuat dalam menolak prejedis segelintir penulis Barat terhadap isu tersebut.

Kegemilangan dan kecemerlangan Dinasti Aghlabiyah dalam membangun serta mengembangkan Tamadun Islam memang bergantung sepenuhnya kepada para amir yang mentadbir dinasti tersebut. Salah seorang amir dinasti berkenaan yang cukup berpengaruh ialah Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I (201-223H/817-838M). Malang sekali, masyarakat umum di Malaysia khususnya, kurang mengenali tokoh terbabit dan ada segelintir individu yang tidak pernah mendengar nama tokoh tersebut. Jika terdapat mereka yang mengetahui tentang amir ini, kebanyakannya terdiri daripada kalangan ahli akademik atau penulis-penulis sejarah Islam sahaja. Justeru itu, perlunya diperkenalkan Amir Ziyadat Allah I dari segi latar belakang kehidupan dan ketokohnya kepada umum sama ada pelajar atau masyarakat di Malaysia. Kajian ini akan cuba mengetengah dan membuktikan bahawa Amir Ziyadat Allah I memiliki latar belakang yang istimewa seperti bapa beliau yang menjadi antara tokoh kepimpinan Islam terpenting dan termasyhur bagi Dinasti Aghlabiyah.

Walaupun Amir Ziyadat Allah I cukup hebat dari aspek politik, hasil tinjauan literatur yang dilakukan mendapati bahawa kajian-kajian yang dilakukan oleh para sarjana Muslim dan Barat tidak membincangkan secara tuntas dan mendalam tentang sumbangan amir terbabit terhadap Dinasti Aghlabiyah dari aspek tersebut. Kebanyakan sumber-sumber hanya memfokuskan kepada usaha keras Amir Ziyadat Allah I untuk membentras isu pemberontakan-pemberontakan yang berlaku di Ifriqiyyah dan Pulau Sicily pada zaman pemerintahan beliau.⁴² Bahkan, kajian-kajian sebelum ini mengupas tentang kehebatan amir tersebut dalam bidang ketenteraan maritim bagi melawan musuh-musuh di laut sehingga beliau berjaya menakluki

⁴² Ibn Khaldun, *al-Muqaddimah*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 295.

Pulau Sicily.⁴³ Kejayaan Amir Ziyadat Allah I menawan Pulau Sicily dan memperkembangkan Tamadun Islam pulau itu telah memberikan impak mendalam terhadap masyarakat majmuk di sana serta dunia Islam, mahupun Barat.⁴⁴ Motif penaklukan berkenaan adalah bertujuan untuk meluaskan wilayah Dinasti Aghlabiyah ke kawasan yang jauh agar dinasti ini mempunyai jajahan yang lebih besar dan pengaruh yang lebih kuat. Pulau tersebut mempunyai potensi yang baik dalam pelbagai aspek kehidupan, maka ramai pemerintah dunia yang mahu mengusai Laut Mediterranean bagi memperoleh kuasa pemerintahan.⁴⁵ Malang sekali, perluasan kuasa ke wilayah-wilayah lain yang dilakukan oleh beliau tidak dibincangkan secara meluas sedangkan ianya juga penting kepada usaha perluasan wilayah serta kekuatan politiknya. Selain itu, polisi pemerintahan beliau dalam kajian-kajian terdahulu tidak digarap secara mendalam, sebaliknya ia ditulis secara ringkas. Atas kekurangan ini, kajian ini perlu dilakukan agar lompong yang dikesan dapat diisi daripada hasil dapatan penulisan ini. Ia juga diharapkan dapat memberikan nilai tambah kepada kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan berkaitan sumbangannya Amir Ziyadat Allah I dari aspek politik. Dalam konteks masa kini, Pulau Langkawi di Kedah, Malaysia boleh dikategorikan antara pulau terpenting sama seperti Pulau Sicily. Kedua-dua buah pulau memiliki beberapa persamaan dari segi keistimewaan seperti kaya dengan keindahan semula jadi serta sumber alam yang banyak dan berada dalam kedudukan strategik. Di samping itu, Pulau Langkawi dan Pulau Sicily telah menjadi rebutan pelbagai kuasa pemerintah sama ada daripada pihak Islam dan bukan Islam. Persamaan lain adalah Pulau Sicily

⁴³ al-Baladhuri, *Futuh al-Buldan*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, 1991, hlm. 233.

⁴⁴ Clifford Edmund Bosworth, *The New Islamic Dynasties: A Chronological and Genealogical Manual*, Edinburgh, Edinburgh University Press, 2004, hlm. 31-32.

⁴⁵ Alex Metcalfe, *Muslims and Christians in Norman Sicily*, University of Leeds, London, 2003, hlm. 11-12.

turut menjadi pusat pelancongan di Laut Mediterranean, manakala Pulau Langkawi telah menjadi pusat pelancongan di Selat Melaka.

Pengkaji juga mendapati bahawa belum ada rujukan-rujukan dalam bentuk penerbitan ilmiah yang membincangkan tentang sumbangan Amir Ziyadat Allah I terhadap Dinasti Aghlabiyah dari aspek ekonomi. Berdasarkan beberapa kajian terdahulu memperlihatkan bahawa Kota Qayrawan merupakan sebuah kota yang amat penting bagi pentadbiran dan pemerintahan Dinasti Aghlabiyah kerana ia berfungsi sebagai ibu kota bagi pusat pemerintahan dinasti ini di Ifriqiyyah.⁴⁶ Malah, kota tersebut berada dalam kedudukan strategik bagi peningkatan ekonomi yang pesat pada ketika itu. Hal ini memberi kesan yang besar kepada dinasti tersebut supaya berusaha lebih gigih dan keras dalam menguasai sepenuhnya ekonomi di laut Mediterranean. Sehubungan dengan itu, hubungan sektor perdagangan antara Barat dan Timur lebih diberi perhatian oleh Dinasti Aghlabiyah⁴⁷ sama ada hubungan perdagangan melalui darat di Gurun Sahara atau laut di Laut Mediterranean.⁴⁸ Sumber-sumber tersebut lebih menyentuh tentang ekonomi Dinasti Aghlabiyah secara umum dan tidak menekankan mana-mana amir dinasti berkenaan yang menguruskan ekonominya. Justeru itu, kajian ini perlu dikaji dan diselidiki agar dapat dihasilkan sebagai sebuah penulisan lengkap dan jelas berkenaan dengan sumbangan Amir Ziyadat Allah I dari aspek ekonomi mencakupi pembangunan pengurusan serta kemajuan ekonomi dalam sektor pertanian, perindustrian dan perdagangan pada ketika itu. Dalam konteks masa kini, Malaysia turut mempunyai

⁴⁶ Josef W. Meri, *Medieval Islamic Civilization: An Encyclopedia*, Routledge, London, 2005, jil. 1, hlm. 19-20.

⁴⁷ Jamil M. Abu al-Nasr, *A History of the Maghrib in the Islamic Period*, Cambridge University Press, Cambridge, 1987, hlm. 57-59.

⁴⁸ Ruthy Gertwagen & Elizabeth Jeffreys, *Shipping, Trade and Crusade in the Medieval Mediterranean: Studies in Honour of John Pryor*, Routledge Taylor & Francis Group, London & New York, 2012, hlm. 138.

ekonomi bersumberkan sektor pertanian, perindustrian dan perdagangan sebagaimana yang dialami oleh pemerintahan Amir Ziyadat Allah I daripada aspek tersebut. Bahkan, sumber ekonomi Malaysia juga sedang menuju ke fasa yang lebih stabil dalam ketiga-tiga sektor. Di samping itu, hubungan sektor perdagangan negara itu sama seperti hubungan perdagangan Dinasti Aghlabiyah telah mendapat sambutan yang menggalakkan melalui jalan darat dan laut.

Dari aspek pendidikan pula, para ulama lebih mengetengah dan mengembangkan ilmu Fiqah di setiap jajahan takluk Dinasti Aghlabiyah.⁴⁹ Sehubungan dengan itu, perkembangan ilmu ini telah melahirkan ramai ulama Fiqah dan kemudiannya mereka telah berusaha mengajar dan memajukan ilmu Fiqah tersebut sehingga mereka berjaya menubuhkan Madrasah Maliki yang merupakan pusat pendidikan Islam terkenal pada zaman tersebut.⁵⁰ Terdapat beberapa ulama terkenal di Kota Qayrawan bukan sekadar seorang guru yang mengajarkan tentang pendidikan Islam, terutama dalam ilmu Fiqah, bahkan mereka juga berkhidmat sebagai kadi di kota tersebut. Mereka berkhidmat dengan cemerlang dalam memperkembang dan memajukan sektor pendidikan Islam pada zaman pemerintahan dinasti tersebut.⁵¹ Walau bagaimanapun, sangat kurang penulisan atau kajian yang memfokuskan tentang sumbangan Amir Ziyadat Allah I terhadap Dinasti Aghlabiyah dari aspek pendidikan. Jika adapun sumber yang menyatakan penglibatan beliau dalam bidang pendidikan adalah sangat terhad. Amir Ziyadat Allah I mempunyai hubungan yang baik dengan ulama atau kadi pada zaman beliau, di samping penubuhan Madrasah Maliki sebenarnya telah mendapat sokongan dan

⁴⁹ Muhammad Abdul Rauf, *The Muslim Mind: A Study of The Intellectual Muslim Life During The Era 101-700 A.H. (720-1300 A.D.)*, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1995, hlm. 43.

⁵⁰ Muhammad ‘Ali al-Sallabi, 2007, jil. 1, hlm. 547.

⁵¹ Abu al-‘Arab Muhammad Ahmad al-Tamimi al-Qayrawani, 1968, hlm. 163-165.

galakan yang padu daripada amir tersebut. Bahkan, perkembangan pendidikan Islam pada ketika itu dapat dijalankan dengan sempurna dan mendapat sambutan yang baik daripada pelbagai pihak. Justeru, kajian perlu dilakukan secara tuntas dan kritis agar sumbangan dalam aspek tersebut dapat diperluas dan diperjelaskan dengan baik serta dapat membuktikan sejauh mana sumbangan amir itu memberi impak yang besar terhadap aspek pendidikan. Dalam konteks masa kini, Malaysia juga mewujudkan pelbagai pusat pendidikan yang diiktiraf bagi menggalakkan rakyat negara tersebut rajin menimba ilmu sedari kecil hingga tua. Malaysia turut menerapkan elemen sistem pendidikan kontemporari, iaitu penggabungan pendidikan agama Islam dan sekular (duniawi) sebagaimana yang diamalkan oleh Amir Ziyadat Allah I dalam sistem pendidikan Dinasti Aghlabiyyah.

Sementara itu, kegagalan dalam memberi maklumat yang jelas serta tepat tentang Amir Ziyadat Allah I dan Dinasti Aghlabiyyah, sedikit sebanyak boleh mencacatkan kredibiliti maklumat atau data berkenaan sebagai sumber sejarah dan Tamadun Islam di Ifriqiyyah. Sebagaimana buku teks pendidikan Islam, dalam bahagian Sirah dan Tamadun Islam yang diajarkan di peringkat sekolah menengah bagi tingkatan lima yang mana ia tidak membincangkan langsung tentang tokoh pemimpin tersebut dan dinastinya. Maklumat yang ditulis lebih menyentuh tentang globalisasi ilmu yang berlaku hasil daripada aktiviti perdagangan dan pembukaan tempat strategik seperti Pulau Sicily. Pulau ini telah mempengaruhi perkembangan Sains dan Teknologi pada zaman Dinasti ‘Abbasiyyah serta ia membuka peluang kepada umat Islam mengembangkan ilmu pengetahuan.⁵² Sekalipun masyarakat Islam sedang berdepan dengan peperangan tentera salib di dunia Arab pada zaman

⁵² Muhammad Zini Yahya, Zamri Abdul Rahman & Affandi Sahi, *Pendidikan Islam Tingkatan 5: Buku Teks*, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 2007, hlm. 199.

dinasti berkenaan, aktiviti keilmuan tetap berjalan seperti biasa dan semakin rancak pembangunan serta perkembangannya di Pulau Sicily.⁵³ Justeru, dapatlah dilihat bahawa maklumat yang dipaparkan di atas tidak dinyatakan secara tepat dan jelas terhadap kaitan antara Pulau Sicily dengan Dinasti ‘Abbasiyyah. Ia menunjukkan pulau tersebut seolah-olah berada di bawah jajahan takluk dinasti berkenaan dan ia memainkan peranan penting kepada kemajuan pendidikannya. Walhal, pulau tersebut sebenarnya bukanlah wilayah kekuasaan Dinasti ‘Abbasiyyah tetapi ia merupakan wilayah kekuasaan Dinasti Aghlabiyyah. Penulisan buku teks ini juga tidak menyelitkan maklumat berkaitan dengan Amir Ziyadat Allah I merupakan individu yang bertanggungjawab ke atas penaklukan Pulau Sicily. Maka, kajian ini dilakukan bagi memperjelas dan memperbetulkan ketidaktepatan maklumat dalam penulisan buku teks itu berkaitan dengan Pulau Sicily dan Dinasti ‘Abbasiyyah. Mutu dan kualiti penulisan berkenaan sirah dan Tamadun Islam dapat dijaga serta digarap sebaik mungkin, di samping tidak ambil ringan terhadap maklumat yang tidak jelas seperti ini. Kajian ini berharap dapat membantu para pelajar di peringkat sekolah menengah bagi memperoleh informasi yang tepat serta memberi mereka pemahaman awal tentang Amir Ziyadat Allah I dan Dinasti Aghlabiyyah.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat perlu dilakukan untuk memberi penerangan, pemahaman dan pengetahuan mendalam agar masyarakat umum di Malaysia memperoleh kesedaran serta kefahaman yang jelas tentang Amir Ziyadat Allah I dan sumbangannya terhadap Dinasti Aghlabiyyah. Melalui kajian kepustakaan yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa belum ada kajian yang mengkhususkan kepada tajuk kajian ini.

⁵³ Muhammad Zini Yahya, Zamri Abdul Rahman & Affandi Sahi, 2007, hlm. 223.

Kebanyakan kajian yang ada membincangkan hanya secara ringkas dan umum tentang sejarah penubuhan Dinasti Aghlabiyyah, pengasas dinasti tersebut dan kejatuhananya. Di samping itu, kebanyakan kajian lebih memfokuskan kepada kemasukan Islam ke Pulau Sicily di bawah pemerintahan Amir Ziyadat Allah I tetapi tidak membincangkan secara mendalam tentang aspek politik, ekonomi dan pendidikan.

Adalah sesuatu yang amat menyedihkan kerana pemerintah seperti Amir Ziyadat Allah I kurang diberi perhatian kerana tenggelam di sebalik keunggulan tokoh-tokoh kepimpinan daripada dinasti besar Islam termasyhur seperti Dinasti ‘Umayyah, Dinasti ‘Abbasiyah dan Dinasti ‘Uthmaniyyah. Justeru itu, agak sukar untuk masyarakat umum melihat dengan jelas aspek menarik daripada beliau dan sumbangannya terhadap aspek politik, ekonomi dan pendidikan yang sangat memberangsangkan pada ketika itu. Oleh yang demikian, kajian ini sangat penting untuk mengetengah dan menekankan kaitan antara sejarah biografi dengan kecemerlangan sumbangaan Amir Ziyadat Allah I demi memajukan Dinasti Aghlabiyyah serta mengembangkan Islam dan Tamadun Islam sama ada di Ifriqiyyah, mahupun kawasan sekitarnya.

Selain itu, kekurangan sumber dalam bahasa Malaysia menyebabkan tidak ramai pengkaji Melayu, terutama di Malaysia yang mengkaji tentang Amir Ziyadat Allah I, sekali gus menunjukkan bahawa kajian ini amat kurang ditulis dan dibahaskan dalam bahasa Malaysia. Hal ini kerana kebanyakan maklumat dan bahan yang diperoleh lebih kepada bahasa Indonesia yang mana pengkaji Melayu Indonesia lebih aktif menulis serta membincangkan tentang Amir Ziyadat Allah I. Namun, perbincangan para pengkaji dalam bahasa Indonesia juga terbatas hanya sekadar

penulisan secara ringkas tentang beliau. Pengkaji juga mendapati bahawa belum ada rujukan-rujukan dalam bentuk penerbitan ilmiah yang mengupas dan membincangkan tentang Amir Ziyadat Allah I dan sumbangan beliau secara menyeluruh, sebaliknya perbincangan secara khusus berkaitan dengan kajian ini kebanyakannya ditulis dalam sumber-sumber yang diperoleh sebagai sub-topik atau bab tertentu. Maka, kajian ini perlu dikaji dan diselidiki agar dapat dihasilkan sebagai sebuah penulisan ilmiah yang lengkap dan mendalam. Bahkan, kajian ini juga merupakan satu usaha untuk mempertingkat dan memperbanyak bilangan penyelidikan ilmiah berkenaan dengan Amir Ziyadat Allah I dan sumbangannya. Oleh itu, pengkaji amat berharap dapat agar kajian tentang dinasti tersebut dapat menambah bilangan penulisan ilmiah dalam bahasa Malaysia, sekali gus membolehkan pelajar dan masyarakat umum di Malaysia mengetahui, memahami dan menghayati tentang kecemerlangan Amir Ziyadat Allah I dan sumbangan beliau terhadap kegemilangan Tamadun Islam.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis ketokohan Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I (201-223H/817-838M) dan sumbangannya terhadap Dinasti Aghlabiyyah. Berikut adalah beberapa objektif untuk dicapai dalam kajian ini:

1. Mengkaji perkembangan Dinasti Aghlabiyyah menerusi sejarah penubuhan serta kemerosotan dan kejatuhananya.
2. Mengkaji latar belakang Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I.
3. Mengkaji sumbangan Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I dari aspek politik.

4. Mengkaji sumbangan Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I dari aspek ekonomi.
5. Mengkaji sumbangan Amir Ziyadat Allah I bin Amir Ibrahim I dari aspek pendidikan.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini telah memilih Amir Ziyadat Allah I sebagai skop fokus kajian yang mana ia merangkumi latar belakang tokoh kepimpinan tersebut serta sumbangan beliau terhadap Tamadun Islam dari aspek politik, ekonomi dan pendidikan. Amir tersebut merupakan seorang amir yang memiliki sifat ketokohan yang tinggi, iaitu mempunyai sifat bertanggungjawab dan berkaliber dalam mengurus dan memerintah Dinasti Aghlabiyah dengan baik. Kecemerlangan keperibadian Amir Ziyadat Allah I sebagai seorang pemimpin telah memperlihatkan kemajuan dan perkembangan dari ketiga-tiga aspek dalam usaha mengembang serta memperkuuhkan kuasa beliau, sekali gus berjaya merangsang perkembangan Tamadun Islam pada ketika itu.

Kajian tersebut juga meliputi perbincangan terhadap skop masa kajian yang berlaku pada zaman pemerintahan Amir Ziyadat Allah I, iaitu dari tahun 201-223H/817-838M (abad keempat Hijrah/10M) kerana pemerintahan beliau telah berlangsung selama 21 tahun. Terdapat pelbagai faktor dalaman dan luaran yang menyebabkan pemerintahannya tidak dapat melebihi had tempoh masa yang lebih lama dari tarikh tersebut. Walaupun begitu, tempoh pemerintahan tersebut antara tempoh pemerintahan yang lama bagi seorang amir Dinasti Aghlabiyah dalam memastikan seluruh wilayah kekuasaannya dapat ditadbir dan diuruskan sebaik mungkin. Justeru itu, sumbangan Amir Ziyadat Allah I dari aspek politik, ekonomi dan pendidikan hanya dianalisis dan dikaji secara teliti dalam tempoh masa tersebut,